

**SOALAN NO. 44****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR  
JOHARI [ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 serta undang-undang yang berkaitan ekoran keputusan kes Indira Gandhi di Mahkamah Persekutuan.

101

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sebelum ini telah menggugurkan fasal 88A di dalam Rang Undang-Undang Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) (Pindaan) 2017, kerana tidak mahu berlaku percanggahan dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan supaya selaras dengan prinsip *doktrin stare decisis* di mana keputusan Mahkamah tertinggi terhadap pentafsiran Fasal (4) Perkara 12 adalah terikat.

Walau bagaimanapun, dalam kes *Indira Gandhi A/P Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors. And Other Appeals* [2018] 1 MLJ 545, Mahkamah Persekutuan telah mentafsirkan perkataan "*parent*" dalam Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan sebagai bermaksud jamak (*plural*) iaitu kedua-dua ibu dan bapa. Tafsiran ini terpakai jika kedua-dua ibu dan bapa masih hidup. Keputusan tersebut mengatasi semua keputusan-keputusan terdahulu dan keputusan terbaharu ini adalah terikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, apa-apa cadangan untuk menggubal Rang Undang-Undang seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan perkara dasar yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.